

BH 23/12

Ringgit ditutup lebih tinggi berbanding dolar AS semalam menjelang penerbitan data ekonomi AS, kata peniaga.

Pada jam 6 petang, ringgit diniagakan pada 4.4740/4770 berbanding dolar AS daripada 4.4770/4820 pada Rabu.

“Dolar susut daripada paras tertinggi 14 tahun pada Khamis berikutan pelabur mengambil untung sebelum data ekonomi dikeluarkan, termasuk data berhubung Keluaran Dalam Negara Kasar bagi suku ketiga tahun ini,” kata peniaga.

Katanya, sekiranya data lebih rendah daripada jangkaan pasaran, pelabur berkemungkinan terus menjual dolar.

Berbanding mata wang utama, ringgit diniagakan kebanyakannya tinggi.

Ia menokok berbanding dolar Singapura kepada 3.0879/0908 daripada 3.0989/0034 Rabu, naik berbanding yen kepada 3.8028/8079 daripada 3.8083/8138 dan mengukuh berbanding pound British kepada 5.5178/5219 daripada 5.5188/5268.

Bagaimanapun, ringgit susut berbanding euro kepada 4.6718/6767 daripada 4.6543/6613.

BERNAMA



Dolar susut daripada paras tertinggi 14 tahun berikutan pelabur mengambil untung sebelum data ekonomi dikeluarkan”